



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu ke 14 Tahun 2009 (5 - 11 April 2009)

Sejumlah 794 kes denggi dengan 2 kematian telah dilaporkan pada minggu lepas (Minggu 14 tahun 2009) berbanding dengan 923 kes pada minggu sebelumnya, penurunan sebanyak 129 kes atau 14%. Walaupun terdapat trend penurunan kes, jumlah kes yang dilaporkan pada tahun ini masih tinggi pada kadar 48% berbanding dengan tempoh yang pada tahun lepas. Jumlah terkumpul kes tahun 2009 ialah 15,825 dengan 39 kematian berbanding 10,645 kes dengan 26 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2008. Untuk makluman ada 3 buah negeri yang menunjukkan peningkatan pada minggu lepas, iaitu Pahang (55%), Kelantan (50%) dan Perak (9%). Lain-lain negeri menunjukkan penurunan kes dan 59% daripada kes yang dilaporkan adalah daripada kawasan Lembah Klang (Selangor dan WP Kuala Lumpur). Lampiran A yang disertakan menunjukkan kes-kes yang dilaporkan mengikut negeri.

Sehingga 11 April 2009 terdapat sejumlah 96 lokaliti 'hot spot' di mana 95 daripada Negeri Selangor dan 1 daripada Sarawak. Kami meminta penduduk-penduduk di kawasan 'hot spot' ini untuk bersama mengambil bahagian aktif dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi terutamanya aktiviti-aktiviti menjaga kebersihan dan menghapuskan tempat pembaikan nyamuk aedes.

Pemantauan tempat pembiakan nyamuk aedes, pembawa demam denggi mendapati bahawa kawasan yang melaporkan kes denggi masih menunjukkan 77% premis positif pembiakan *Aedes* merupakan rumah kediaman dan kedai. Pembiakan *Aedes* yang tinggi juga ditemui di kawasan kilang 32%, kemudahan kesihatan 25%, kawasan sekolah 8% dan tempat ibadat 7%. Ini menunjukkan sebilangan besar masyarakat masih lagi tidak prihatin tentang bahaya pembiakan *Aedes* di rumah dan sekitar kawasan kediaman mereka. Prestasi aktiviti gotong-royong tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana penyertaan masyarakat yang kurang memuaskan. Hanya 62 (78%) aktiviti gotong-royong yang dapat dijalankan walaupun sebanyak 79 aktiviti disasarkan sepanjang minggu lepas.

Tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik premis yang didapati membiak *Aedes* dan menyimpan takungan berpotensi bagi pembiakan *Aedes* di premis telah dijalankan, dimana sejumlah 743 kompaun bernilai RM247,751.00 dan 321 notis arahan pembersihan telah dikeluarkan di seluruh negara.

Pemantauan kes Chikungunya menunjukkan ada sedikit penurunan dimana pada minggu ini sebanyak 39 kes dilaporkan di seluruh negara berbanding 42 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 3 kes(7%). Terdapat enam buah negeri yang mencatatkan peningkatan kes iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan. Jumlah terkumpul kes Chikungunya sehingga 11 April, 2009 adalah 1,198 kes dan tiada kematian. Bilangan kes yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti dalam Lampiran B.

Penyakit demam denggi dan Chikungunya merupakan penyakit yang mudah merebak melalui gigitan nyamuk *Aedes*, tetapi

sebenarnya penularan penyakit ini boleh dicegah melalui kerjasama semua pihak yang terlibat terutamanya anggota masyarakat. Berikut adalah langkah bijak yang boleh diambil bagi mengelakkan kita daripada dijangkiti demam denggi atau Chikungunya iaitu melalui penghapusan tempat pembiakan nyamuk *Aedes*.

- a. Nyamuk *Aedes* membiak dalam takungan air jernih di luar ataupun di dalam rumah. Oleh itu luangkan masa 10 minit untuk membuang atau menghapuskan semua bekas terutama yang boleh menampung air; seperti tayar, bekas tong cat, bahan plastik, kaca atau tin ke dalam tong sampah. Basuh dan gosok semua alas pasu bunga dan bekas jambangan bunga bagi menanggalkan telur *Aedes* yang melekat seminggu sekali.
- b. Letakkan bahan pembunuh jentik-jentik (temephos) di dalam bekas air yang tidak digunakan lebih dari seminggu seperti kolah mandi, *cistern* tandas, tangki utama dan lain-lain.
- c. Demam denggi boleh menjangkiti sesiapa sahaja dan boleh menyebabkan kematian. Dapatkan rawatan segera apabila anda mengalami tanda penyakit demam denggi contohnya, demam, sakit-sakit badan, sakit kepala, ruam dan lain-lain di klinik berhampiran, ingatlah dengan melindungi keluarga, anda juga melindungi masyarakat dari jangkitan denggi.
- d. Orang awam adalah digalakkan mengambil bahagian aktif dalam aktiviti gotong-royong menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes. Tiada *Aedes*, tiada denggi.
- e. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang(web) Kementerian Kesihatan di <http://www.moh.gov.my>

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 14 April 2009

Lampiran A

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 14/2009 (5 – 11 April 2009)

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Jumlah Kes Sehingga 11 Apr 2009	Jumlah Kes Bagi Tempoh Sama 2008
		Minggu 14/09 (5-11 Apr)	Minggu 13/09 (29 Mac-4 Apr)		
1.	Perlis	1	8	51	35
2.	Kedah	8	8	339	325
3.	P. Pinang	50	52	800	466
4.	Perak	72	66	1,347	1,133
5.	Selangor	415 (2)	509	8,495 (26)	4,081 (12)
6.	WPKL & Putrajaya	55	78	1,374 (5)	1,302 (2)
7.	N. Sembilan	20	23	293 (4)	304
8.	Melaka	11	19	203	160
9.	Johor	57	59	834 (2)	753 (4)
10.	Pahang	14	9	313 (1)	415
11.	Terengganu	25	27	373	516 (2)
12.	Kelantan	27	18	473	403 (4)
13.	Sarawak	26	28	587	423
14.	Sabah	13	19	326 (1)	312 (2)
15.	WP Labuan	0	0	17	17
	Jumlah	794 (2)	923 (0)	15,825 (39)	10,645 (26)

Nota:

() Kematian

Lampiran B

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU EPID 14 DAN 13 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-14 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 14 (5-11 Apr 09)	Minggu 13 (29 - 4 Apr 09)		
1	Perlis	1	0	15	3
2	Kedah	2	0	33	181
3	Pulau Pinang	5	3	56	6
4	Perak	9	15	254	590
5	Selangor	9	8	270	353
6	WP KL & Putrajaya	0	5	65	27
7	Negeri Sembilan	1	0	28	176
8	Melaka	0	0	0	606
9	Johor	4	4	111	1,846
10	Pahang	0	0	55	341
11	Terengganu	0	1	33	4
12	Kelantan	8	6	277	135
13	Sarawak	0	0	1	3
14	Sabah	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	MALAYSIA	39	42	1,198	4,271

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

13 APRIL 2009

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 11 APRIL 2009

Bil	Negeri	Daerah/Zon/PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	PETALING	Seksyen 18 Teres A	54	155
2	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Perdana	60	140
3	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres A1	62	134
4	SELANGOR	GOMBAK	Kg Laksamana	49	126
5	SELANGOR	MBSA	Seksyen 6 Flat	28	125
6	SELANGOR	PETALING	Seksyen 18 Teres B	34	124
7	SELANGOR	MBSA	Seksyen 27 Teres C	57	117
8	SELANGOR	MPSJ	Bandar Puchong Jaya	55	107
9	SELANGOR	GOMBAK	Bandar Baru Selayang F2	72	97
10	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7 Teres D	37	87
11	SELANGOR	MPK	Taman Cempakasari Zon 2	9	82
12	SELANGOR	HULU SELANGOR	Apt. Teratai, Bukit Beruntung	21	81
13	SELANGOR	GOMBAK	Bandar Baru Selayang F1	16	77
14	SELANGOR	PETALING	Seksyen 17C	16	74
15	SELANGOR	GOMBAK	Kg Nakhoda Kiri	11	73
16	SELANGOR	GOMBAK	Kg Bendahara	16	71
17	SELANGOR	PETALING	Seksyen 7 Flat D	25	70
18	SELANGOR	MPK	Taman Palm Grove	20	69
19	SELANGOR	MPKj	Taman Cheras Jaya	12	65
20	SELANGOR	SABAK BERNAM	Taman Berkat Sg Besar	12	64
21	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Permai	28	63
22	SELANGOR	PETALING	Seksyen 24 A	11	63
23	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Indah	17	61
24	SELANGOR	MPK	Pandamaran Jaya Zon 1	11	61
25	SELANGOR	MPKj	Seksyen 2, BB Bangi	6	60
26	SELANGOR	MPK	Taman Eng Ann Zon 6	12	60
27	SELANGOR	MPS	Bandar Tasik Puteri AZ 2	20	58
28	SELANGOR	MPSJ	Putera Height	17	58
29	SELANGOR	MPKj	Seks 7 Bdr Tasik Kesuma	12	58
30	SELANGOR	MPK	Jalan Batu 3 Lama	7	57
31	SELANGOR	MPSJ	Lestari Putera	7	56
32	SELANGOR	MPSJ	Batu 13	7	55
33	SELANGOR	MBPJ	Gugusan Semarak Seksyen 4 PJU 5	16	54

Bil	Negeri	Daerah/Zon/PBT	Lokality	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
34	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang Jaya (Zon A)	13	54
35	SELANGOR	MPK	Taman Bayu Perdana Zon 3	10	54
36	SELANGOR	KLANG	Taman Sri Putra	4	54
37	SELANGOR	MBSA	Seksyen 24 Teres B	4	53
38	SELANGOR	MPK	Taman Kim Chuan	7	53
39	SELANGOR	MPK	Taman Sentosa Zon 11	8	53
40	SELANGOR	MPK	Bandar Armada Putra Zon 1	10	52
41	SELANGOR	MPK	Taman Sentosa Zon 3	7	52
42	SELANGOR	GOMBAK	Kg Wira Damai	8	52
43	SELANGOR	SABAK BERNAM	Site B Sekincan	12	52
44	SELANGOR	MPSJ	Taman Serdang Jaya	16	50
45	SELANGOR	MPSJ	Taman Serdang Perdana	14	50
46	SELANGOR	MPSJ	Taman Kinara	12	50
47	SELANGOR	MPSJ	Taman Bukit Serdang	11	50
48	SELANGOR	MPAJ	Taman Kosas (Zon B)	8	50
49	SELANGOR	MPKj	Taman Semenyih Indah	5	49
50	SELANGOR	GOMBAK	Taman Sri Gombak Z4	9	49
51	SELANGOR	GOMBAK	Kg Indah Settlement	9	49
52	SELANGOR	MBSA	Zon 1 Kg Baru Sg Buloh	5	48
53	SELANGOR	MPKj	Appt Baiduri, Bdr Tsk Kesuma	12	48
54	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7 Apt. Baiduri	14	47
55	SELANGOR	MBSA	Seksyen 10 (Eps 2)	7	47
56	SELANGOR	GOMBAK	Puteri Laksmana	7	47
57	SELANGOR	MBSA	Seksyen U12	3	46
58	SELANGOR	MPK	Taman Meru 4	4	46
59	SELANGOR	GOMBAK	Taman Selasih Fasa 1	4	46
60	SELANGOR	KLANG	Jalan Hassan, Kg Sg Udang	22	46
61	SELANGOR	MPS	Bukit Rawang jaya	7	45
62	SELANGOR	MPKj	Taman Putera Kajang	6	45
63	SELANGOR	MPKj	Taman Jasmin	5	45
64	SELANGOR	MPK	Bandar Armada Putra Zon 3	19	45
65	SELANGOR	MPK	Taman Sri Andalas Zon 4	9	44
66	SELANGOR	SABAK BERNAM	Jalan Radin Sekinchan	8	44
67	SELANGOR	MPK	Pandamaran Zon 1	12	43
68	SELANGOR	MPK	Bandar Bukit Tinggi Zon 10	4	43
69	SELANGOR	MPSJ	Taman Pinggiran USJ	9	42
70	SELANGOR	MBSA	Seksyen 20 Teres	7	42
71	SELANGOR	MPAJ	AU 1.Taman Keramat Zon A)	4	42

Bil	Negeri	Daerah/Zon/PBT	Lokality	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
72	SELANGOR	MPK	Jalan Meru Zon 3	5	42
73	SELANGOR	HULU LANGAT	Seksyen 1 Bandar Rinching	10	42
74	SELANGOR	MPSJ	USJ 11	7	41
75	SELANGOR	GOMBAK	Taman Samudera Timur	11	41
76	SELANGOR	SEPANG	Rista Villa Putra Perdana	5	41
77	SELANGOR	MBSA	Seksyen U2 Apt. Ilham	11	39
78	SELANGOR	MPKj	Taman Tun Perak	8	39
79	SELANGOR	MBPJ	Apt Harmoni PJU 10	7	38
80	SELANGOR	MPKj	Zon 1 Taman Impian Ehsan	7	38
81	SELANGOR	GOMBAK	Selayang Baru K2	5	37
82	SELANGOR	PETALING	Seksyen 7, Teres A	21	37
83	SELANGOR	PETALING	Sek 7, Teres B	12	37
84	SELANGOR	MPK	Bdr Sultan Sulaiman zon 6	6	36
85	SELANGOR	GOMBAK	Taman Ehsan	6	36
86	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Prima	15	35
87	SELANGOR	MBPJ	Flat Desa Mentari PJS 6	5	35
88	SELANGOR	MPK	Kg Raja Uda	12	35
89	SELANGOR	HULU LANGAT	Taman Pelangi Semenyih	9	35
90	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	8	34
91	SELANGOR	MPKj	Taman Sri Kenari	6	34
92	SELANGOR	GOMBAK	Kompleks Penjara Sg Buloh	11	34
93	SELANGOR	PETALING	Seksyen 7, Flat C	10	34
94	SELANGOR	MPAJ	Taman Rasmi Jaya (Zon A)	8	31
95	SELANGOR	KLANG	Bt 6 Jalan Meru	6	30
96	SARAWAK	Kuching	Kpg Sg Bedil Besar	13	48

**SENARAI "HOT SPOT" BARU BAGI MINGGU 14
(05-11 April 2009)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tamat Pada
1	SELANGOR	MPKj	Taman Semenyih Indah	5	01.05.09
2	SELANGOR	MPKj	Zon 1 Taman Impian Ehsan	7	01.05.09
3	SELANGOR	GOMBAK	Selayang Baru K2	5	30.04.09
4	SELANGOR	MPK	Bdr Sultan Sulaiman zon 6	6	01.05.09
5	SELANGOR	GOMBAK	Taman Ehsan	6	20.04.09
6	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Prima	15	20.04.09
7	SELANGOR	MBPJ	Flat Desa Mentari PJS 6	5	04.05.09
8	SELANGOR	MPK	Kg Raja Uda	12	29.4.09
9	SELANGOR	HULU LANGAT	Taman Pelangi Semenyih	9	29.04.09
10	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	8	22.04.09
11	SELANGOR	MPKj	Taman Sri Kenari	6	02.05.09
12	SELANGOR	GOMBAK	Kompleks Penjara Sg Buloh	11	25.04.09
13	SELANGOR	PETALING	Seksyen 7, Flat C	10	27.04.09
14	SELANGOR	MPAJ	Taman Rasmi Jaya (Zon A)	8	30.04.09
15	SELANGOR	KLANG	Bt 6 Jalan Meru	6	29.04.09

**SENARAI LOKALITI BEBAS “HOT SPOT” BAGI MINGGU 14
(05-11 April 2009)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBSA	Seksyen 18 Flat 18/43	35	137
2	SELANGOR	MBSA	Padang Jawa C	65	133
3	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres A2	42	127
4	SELANGOR	MPK	Persiaran Bukit Raja	20	94
5	SELANGOR	MPSJ	Bandar Puteri	16	84
6	SELANGOR	GOMBAK	Taman Jasa Utama	6	61
7	SELANGOR	MPS	Kg Melayu Batu 16	16	60
8	SELANGOR	HULU SELANGOR	Apt. Ros 2 Bukit Sentosa	12	54
9	SELANGOR	MBSA	Seksyen 16 Apt. Anggerik	6	53
10	SELANGOR	MPKj	Zon 5 Seksyen 4 BB Bangi	13	49
11	SELANGOR	MPKj	Zon 3 Seksyen 16 BB Bangi	12	48
12	SELANGOR	MPKj	Taman Kasturi	6	48
13	SELANGOR	GOMBAK	Bukit Idaman	5	39
14	WPKL	PUTRAJAYA	Jln P9B1 Precint 9	7	31